

22/12/1997

Mengharap kecerahan hidup tahun baru

Sut

BEBERAPA hari lagi akan menjelanglah tahun baru 1998. Kita mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat tahun baru kepada semua pembaca akhbar kita. Kita juga ucapkan selamat menyambut Krismas kepada penganut Kristian Khamis ini.

Apabila kita menyambut tahun baru, dua hal yang harus menjadi peringatan kepada kita. Pertama, tahun baru meninggalkan tahun lama atau tahun yang sebelumnya. Ikut berlalu ialah pelbagai peristiwa pahit mahupun manis dalam kehidupan kita sama ada peribadi, sebagai satu keluarga atau sebuah masyarakat malah negara.

Kedua, tahun baru yang datang itu akan membawa kepada kita pelbagai cabaran dan rintangan baru yang mesti, mahu atau tidak, terpaksa kita hadapinya. Semua orang mengharapkan tahun yang akan datang itu membawa lebih kebahagiaan.

Memang ramai yang mengharapkan, tidak kurang juga yang berdoa kepada Allah supaya tahun yang akan datang ini lebih membawa kebahagiaan kepadanya. Tetapi harapan dan doa semata-mata tanpa melakukan usaha yang tidak kenal penat dan lelah tentulah lain hasilnya berbanding usaha yang dilakukan melalui kerja kuat, bijaksana dan diiringi dengan doa kepada Allah.

Tahun yang pergi itu mencatatkan pelbagai hal yang boleh dijadikan pengajaran kepada yang ingin memperbaiki hidupnya.

Kita mempunyai pelbagai peristiwa politik, sosial dan ekonomi pada tahun ini yang bakal meninggalkan kita beberapa hari saja lagi. Peristiwa itu tentulah memberi pengajaran kepada kita semua supaya kita menjadi lebih matang, dewasa dan bijaksana.

Kesilapan yang dilakukan pada tahun lalu, sama ada oleh diri kita sendiri ataupun oleh orang lain, seharusnya menjadi teladan dan guru yang baik kepada semua orang supaya kesilapan sedemikian tidak kita ulangi.

Sebagaimana tahun lalu mempunyai pelbagai peristiwa politik, ekonomi dan sosial penting, tahun yang bakal tiba nanti ini juga tidak kurang hebatnya. Malah ada peristiwa yang selama ini belum pernah terjadi di Malaysia akan terjadi pada 1998.

Sukan Komanwel misalnya adalah satu peristiwa sosial yang amat penting bukan saja kerana kehebatan sukan yang berprestij itu, tetapi yang sama pentingnya ialah sukan itu sendiri menguji kita dalam pelbagai aspek kehidupan. Kepada ahli sukan ia akan menguji kemampuan dan kecemerlangannya dalam arena antarabangsa. Kepada pentadbir dan pengurus, kelangsungan sukan itu nanti akan memberi jawapan sama ada Malaysia mampu ataupun tidak mengurus acara yang besar seperti itu pada tahun-tahun yang berikutnya.

Kejayaan pengurusan dalam sukan itu penting bagi meletakkan imej Malaysia supaya lebih tinggi di mata antarabangsa.

Lebih lagi pentingnya sukan itu dalam keadaan kemelut ekonomi yang sedang di hadapi oleh Malaysia kini.

Dalam bidang politik, jika 1997 tiada peristiwa besar, pada 1998 belum tentu tidak ada peristiwa yang besar. Pada masa kini setiap cawangan dan bahagian mula bergolak dengan pemilihan, pada tahun hadapan tentulah ada peristiwa pemilihan. Kehangatannya malah mula terasa pada masa kini. Dua tiga hari ini kita sedang mengikuti peristiwa peletakan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah yang juga Menteri Kewangan dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Sabah.

Sementara itu di beberapa bahagian Umno timbul masalah kemasukan ahli parti Semangat 46 (S46) ke dalam Umno sehingga menyebabkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kenyataan akhbar yang tegas menyatakan: "MT memutuskan untuk memecat pemimpin bahagian dan cawangan yang tidak menerima kemasukan bekas ahli S46 selepas diluluskan oleh ibu pejabat parti."

Peristiwa ekonomi 1997 yang sedang dialami oleh negara kita kini tentulah akan ikut sama menjadi cabaran yang penting bagi negara untuk 1998 nanti. Kita mengharapkan rakyat sentiasa mengikuti perkembangan yang sedang berlaku di samping ikut melaksanakan nasihat yang sentiasa diberikan oleh kerajaan seperti berjimat dalam perbelanjaan dan menggunakan barangan tempatan bagi mempercepatkan pulihnya keadaan yang sedang dialami kini.

Tahun 1997 akan beredar membawa bersamanya sejumlah kenangan pahit mahupun manis. Semuanya menjadi sejarah. 1998 akan tiba. Umur kita sebagai manusia pun ikut sama meningkat. Pengalaman masa lalu mengajar kita untuk menjadi lebih matang dan bijaksana. Seperti kehidupan yang semakin canggih, demikian juga cabaran yang datang. Menghadapi tahun-tahun mendatang tidak cukup hanya dengan pengalaman yang lalu, melainkan mesti juga dengan menggunakan pengalaman dan kebijaksanaan masa depan yang dapat kita anjurkan pada masa kini.

(END)